



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA 213

AKTA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

(Disemak — 1978)

Disemak sehingga	24hb Jun, 1978
Tarikh mula berkuatkuasa ditetapkan	... 15hb November, 1978
Tarikh disiarkan dalam Warta	... 26hb Oktober, 1978

Dikanunkan dalam tahun 1959 sebagai Ordinan No. 25 tahun 1959

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 213

AKTA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, 1959

(Disemak — 1978)

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LEMBAGA

3. Penubuhan Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka
4. Pertubuhan Lembaga
5. Tujuan-tujuan
6. Tugas-tugas dan kuasa-kuasa Lembaga
7. Kuasa-kuasa am Lembaga untuk menjalankan urusan
8. Meteri am.
9. Korum
10. Tatacara Lembaga
11. Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga.
12. Perbelanjaan yang boleh dibayar kepada ahli-ahli Lembaga.
13. Penzahiran oleh ahli Lembaga akan kepentingan dalam transaksi dengan Lembaga dan hilang kelayakan ahli itu untuk mengundi.
14. Kuasa-kuasa Menteri berhubung dengan Lembaga.
15. Pelupusan aset modal.

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Pentadbiran

16. Perlantikan pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat

17. Kawalan bagi pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat.
18. Kuasa mengambil bekerja ejen.

Kewangan

Seksyen

19. Penubuhan Kumpulanwang.
20. Tugas Lembaga memelihara Kumpulanwang.
21. Kumpulanwang boleh disimpan dalam bank.
22. Perbelanjaan yang hendak dibayar daripada Kumpulanwang.
23. Anggaran Tahunan
24. Akaun dan odit.

BAHAGIAN IV

AM

25. Laporan Tahunan
26. Perlindungan Pihak-berkuasa Awam.
27. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.
28. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 213

AKTA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, 1959

(Disemak — 1978)

Suatu Akta untuk mendiri dan menubuhkan suatu badan bernama Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menggalakkan perkembangan bahasa dan kesusastraan dalam Malaysia.

[1hb Ogos, 1959] P.U. 270/59

BAHAGIAN I PERMULAAN

- | | |
|--|---|
| 1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959 | Tajuk
ringkas
dan
mula
berkuatkuasa |
| (2) Akta ini hendaklah dipakai bagi Malaysia Barat sahaja. | |
| 2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain — | Tafsiran |

“ahli” ertinya mana-mana ahli Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 4 dan termasuklah Pengerusi dan Naib Pengerusi;

“Kumpulanwang” ertinya Kumpulanwang Dewan Bahasa dan Pustaka yang ditubuhkan di bawah seksyen 19;

“Lembaga Pengelola” atau “Lembaga” ertinya Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Malaysia Barat” mempunyai erti yang diberi kepadanya

dalam seksyen 3 Akta Tafsiran, 1967 dan termasuklah Wilayah Persekutuan. Akta 23/67.

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa itu bertanggungjawab bagi pelajaran;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga dan termasuklah Naib Pengerusi;

“tahun kewangan” ertinya suatu tempoh selama dua belas bulan yang berakhir pada 31 haribulan Disember.

BAHAGIAN II

LEMBAGA

Penubuhan
Lembaga
Pengelola
Dewan
Bahasa
dan
Pustaka

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga bernama “Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka” yang mana hendaklah mempunyai suatu pejabat di Malaysia Barat.

(2) Lembaga hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun temurun dengan mempunyai suatu meteri am.

Pertubuhan
Lembaga.
[Gan.
Akta A79.]

4. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri;
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran;
- (c) Ketua Pengarah Pelajaran;
- (d) seorang wakil dari Perbendaharaan yang dilantik oleh Menteri Kewangan;
- (e) seorang yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja; dan
- (f) tidak lebih daripada 10 orang yang dilantik oleh Menteri, yang pada pendapatnya mempunyai pengetahuan luas atau telah memperoleh banyak pengalaman dalam apa-apa lapangan aktiviti yang boleh menjadi berfaedah kepada Lembaga.

(2) Menteri boleh melantik mana-mana ahli Lembaga menjadi Naib Pengerusi Lembaga.

(3) Lembaga boleh melantik seorang Setiausaha di

bawah seksyen 16 yang mana tidak boleh menjadi seorang ahli Lembaga.

(4) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, tiap-tiap seorang ahli hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh yang tidak lebih daripada tiga tahun dari tarikh perlantikannya dan adalah layak dilantik semula.

(5) Mana-mana ahli yang—

(a) tanpa sebab yang menasabah tidak menghadiri tiga kali berturut-turut mesyuarat Lembaga dan mesyuarat mana-mana jawatankuasanya yang ia adalah seorang ahlinya;

- (b) telah didapati atau ditetapkan sebagai taksempurna akal;
- (c) telah menjadi bankrap atau membuat perkiraan dengan sipiutang-sipiutangnya; atau
- (d) telah dijatuhkan hukuman penjara,

hendaklah disifatkan sebagai telah mengosongkan jawatan.

(6) Pelantik yang berkenaan boleh pada bila-bila masa membatalkan perlantikan mana-mana ahli jika ia fikirkan munafaat berbuat demikian tanpa memberi apa-apa sebab.

(7) Pelantik yang berkenaan boleh pada bila-bila masa menerima perletakan jawatan mana-mana ahli.

(8) Jika sesuatu kekosongan berlaku disebabkan kematian, ketidakhadiran, gila, kebankrapan, perletakan jawatan atau selainnya, pelantik yang berkenaan boleh melantik seorang untuk mengisi kekosongan itu bagi tempoh jawatan yang belum tamat bagi ahli yang mengenainya kekosongan itu telah berlaku.

(9) Pelantik itu boleh melantik mana-mana orang yang sesuai untuk bertindak sebagai seorang ahli Lembaga dalam masa mana-mana ahli sakit, tidak upaya atau berada di luar Malaysia berterusan.

5. Tujuan-tujuan Lembaga ialah—

Tujuan-tujuan

- (i) untuk memperkembang dan memperkayakan bahasa kebangsaan;
- (ii) untuk memperkembangkan bakat sastra, khususnya dalam bahasa kebangsaan;
- (iii) untuk mencetak atau menerbitkan atau membantu dalam pencetakan atau penerbitan buku-buku, majalah-majalah, risalah-risalah dan lain-lain bentuk kesusastraan dalam bahasa kebangsaan dan dalam bahasa-bahasa lain;

(iv) menstandardisasikan ejaan dan sebutan, dan membentuk istilah-istilah teknik yang sesui dalam bahasa kebangsaan.

	(b) telah didapati atau ditetapkan sebagai taksempurna akal;	
	6. (1) Adalah menjadi tugas Lembaga membentuk dan melaksanakan dasar-dasar dalam menjalankan tujuan-tujuannya.	Tugas-tugas dan kuasa-kuasa Lembaga.
	(2) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, mewakilkan, tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang difikirkannya perlu, penjalanan semua atau mana-mana kuasa atau pelaksanaan semua atau mana-mana tugas yang diberi kepadanya oleh atau di bawah Akta ini kepada Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 16.	[Tam. Akta A79.]
Kuasa-kuasa am Lembaga untuk menjalankan urusan.	7. Lembaga adalah mempunyai kuasa melakukan apa-apa perkara dan mengikat apa-apa transaksi (sama ada atau tidak melibatkan perbelanjaan, perolehan, penggunaan dan pelupusan apa-apa harta alih ata harta takalih) yang pada pendapatnya dikira akan memudahkan pelaksanaan yang sewajarnya akan kuasa-kuasa dan tugas-tugasnya di bawah Akta ini:	
Meteri am.	Dengan syarat bahawa kuasa ini tidak termasuk kuasa untuk meminjam kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 19 (2).	
	8. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meteri am yang mengandungi sesuatu rekabentuk yang diluluskan oleh Lembaga dan meteri itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu oleh Lembaga mengikut sebagaimana difikirkan patut oleh Lembaga.	
	(2) Sehingga suatu meteri diadakan oleh Lembaga di bawah seksyen ini, suatu cap mengandungi perkataan-perkataan “Lembaga Pengelola: Dewan Bahasa dan Pustaka” boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meteri am Lembaga.	
	(3) Meteri am ini hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi dan semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang memerlukan meteri Lembaga hendaklah dimeterikan dengan meteri Lembaga di hadapan Pengerusi atau Naib Pengerusi dan di hadapan seorang	

ahli atau seorang pegawai Lembaga yang diberikuasa oleh Lembaga untuk bertindak bagi maksud itu, yang mana hendaklah menandatangani tiap-tiap suratikatan, dokumen atau suratcara lain yang telah dimeterikan itu dan tandatangan itu adalah menjadi keterangan yang memadai bahawa meteri itu telah dicapkan dengan sempurna dan sewajarnya dan bahawa meteri itu adalah digunakan sebagai, meteri Lembaga yang sah.

(4) Meteri Lembaga itu hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Korum
[Pin.
Akta A79]

9. (1) Korum bagi sesuatu mesyuarat Lembaga ialah lima orang ahli selain daripada Pengerusi.

(2) Jika sekiranya undi atas apa-apa soal didapat sama banyak, Pengerusi adalah berhak memberi suatu undi pemutus selain daripada undi asalnya.

(3) Lembaga boleh mengundang sesiapa jua, sama ada seorang atau lebih daripada seorang, menghadiri mana-mana satu mesyuarat Lembaga bagi maksud membantu atau menasihatkan Lembaga, tetapi orang-orang yang diundang itu tidak berhak mengundi.

10. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini Lembaga boleh membuat perintah tetap mengatur tatacaranya sendirinya pada amnya dan khususnya berkenaan dengan mengadakan mesyuarat-mesyuarat, notis yang akan diberi mengenai mesyuarat-mesyuarat itu, urusan-urusan yang akan dijalankan dalam mesyuarat-mesyuarat itu, menyimpan, mengemukakan dan memeriksa minit mesyuarat-mesyuarat itu dan membuka, menyimpan, menutup dan mengodit akaun-akaun.

Tatacara
Lembaga

(2) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam suku tahun yang pertama dan ketiga tiap-tiap tahun bagi maksud menimbangkan, selain daripada apa-apa urusan lain yang mengenainya notis hendaklah diberi dengan sewajarnya. Suatu laporan berkenaan dengan kerja Lemaga dalam masa separuh tahun yang berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember dan tiga puluh haribulan Jun, mengikut mana yang berkenaan, sebelum sahaja suku tahun itu.

11.(1) Maka hendaklah ada satu Jawatankuasa Kerja Lembaga terdiri daripada Pengurus dan empat orang ahli lagi yang akan dipilih oleh dan daripada ahli-ahlinya.

Jawatankuasa-jawatankuasa
Lembaga

(2) Lembaga boleh melantik lain-lain jawatankuasa sebagaimana difikirkannya patut untuk memeriksa dan membuat laporan mengenai apa-apa jua perkara yang berbangkit dari, atau berkaitan dengan, mana-mana kuasa dan tugasnya di bawah Akta ini.

(3) Mana-mana jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen-kecil (2) boleh mengundang sesiapa jua, sama ada seorang atau lebih daripada seorang, menghadiri mana-mana satu mesyuarat jawatankuasa itu bagi maksud membantu atau menasihatkan jawatankuasa itu.

(4) Jika seseorang yang bukan ahli, pegawai atau penjawat Lembaga diundang menghadiri mesyuarat Lembaga atau mesyuarat mana-mana jawatankuasa Lembaga bagi memberi bantuan atau nasihat di bawah peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (3) atau seksyen 9 (3), Lembaga boleh dengan resolusi menetapkan saraan atau elauan bagi orang itu, dan wang tersebut hendaklah dibayar daripada Kumpulanwang.

Perbelanjaan yang boleh dibayar kepada ahli-ahli Lembaga

12. Maka daripada dibayar kepada tiap-tiap seorang ahli Lembaga daripada Kumpulanwang apa-apa perbelanjaan perjalanan, penginapan atau apa-apa lain perbelanjaan sendiri yang dilakukan oleh ahli itu atas urusan Lembaga mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa tertakluk kepada apa-apa had dan syarat yang ditetapkan oleh Menteri.

Penzahiran oleh ahli Lembaga akan kepentingannya dalam transaksi dengan Lembaga dan hilang kelayakan ahli itu untuk mengundi.

13.(1) Mana-mana ahli yang mempunyai atau memperolehi secara langsung atau secara taklangsung dengan sendirinya, melalui pekongsi atau ejennya—

(a) apa-apa syer atau kepentingan—

- (i) dalam sesuatu kontrak yang dibuat dengan atau kerja yang dibuat untuk, Lembaga; atau
- (ii) dalam mana-mana syarikat atau firma dengan mana-mana orang dengan siapa, atau berkenaan dengan apa-apa pengusahaan dengan mana, Lembaga bercadang hendak mengikat sesuatu kontrak; atau

- (b) apa-apa kepentingan benefisial mengenai tanah yang dicadang hendak diperolehi, dibeli, dipajak atau, secara lain, diuruskan oleh Lembaga atau yang ia ketahui akan terlibat, atau harus akan terlibat oleh sesuatu projek, skim atau enterprais yang diluluskan atau dicadang untuk diluluskan oleh Lembaga.

hendaklah mengisyiharkan apakah sebenar dan takat syer atau kepentingannya kepada Lembaga.

(2) Perisytiharan yang dikehendaki dibuat oleh seseorang ahli oleh seksyen-kecil (1) hendaklah dibuat dalam mesyuarat Lembaga di mana apa-apa soal berhubung dengan kontrak, perolehan, pembelian, pajakan, urusan, projek atau skim itu pertama kali ditimbangkan, atau, jika ahli itu tidak mempunyai pada tarikh mesyuarat tersebut sesuatu syer atau kepentingan itu, dalam mesyuarat tersebut yang berikutnya yang diadakan selepas ia memperolehi syer atau kepentingan itu, dah jika ahli itu memperolehi sesuatu syer atau kepentingan itu dalam sesuatu kontrak dengan Lembaga selepas kontrak itu dibuat, perisytiharan tersebut hendaklah dibuat dalam mesyuarat tersebut yang perama diadakan selepas ahli itu memperolehi syer atau kepentingan itu.

(3) Bagi maksud-maksud seksyen ini, suatu notis am yang diberi kepada ahli-ahli lain oleh seorang ahli yang bermaksud bahawa ia adalah ahli bagi sesuatu syarikat atau firma tertentu dan hendaklah dianggap sebagai mempunyai kepentingan dalam sesuatu kontrak yang mungkin, selepas tarikh notis itu, dibuat dengan atau oleh syarikat atau firma tersebut, hendaklah disifatkan sebagai suatu perisytiharan kepentingan yang memadai berhubung dengan sesuatu kontrak yang dibuat sedemikian:

Dengan syarat bahawa notis itu tidak mempunyai apa-apa kesan melainkan sama ada notis itu diberi dalam suatu mesyuarat Lembaga atau ahli yang berkenaan itu mengambil langkah-langkah yang menasabah untuk mempastikan notis itu dikemukakan dan dibaca dalam mesyuarat Lembaga yang berikutnya selepas ia diberi.

(4) Tiap-tiap perisytiharan yang dibuat menurut seksyen ini hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat di mana ia telah dibuat atau dibaca.

(5) Seseorang ahli tidak boleh mengundi di atas apa-apa resolusi atau soal berhubung dengan sesuatu kontrak, perolehan, pembelian, pajakan, urusan projek atau skim dalam mana ia ada mempunyai sesuatu syer atau kepentingan, sama ada atau tidak ia telah mengisytiharkannya, dan juga ia tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa pertimbangan (kecuali dengan undangan Lembaga) atau keputusan berhubungan dengannya atau berhubung dengan apa-apa hal yang bersampingan dengannya, dan jika ia berbuat demikian maka undinya tidak boleh dikira, dan juga ia tidak boleh dikira dalam korum yang hadir di mesyuarat itu.

(6) Peruntukan-peruntukan seksyen ini hendaklah dipakai, dengan apa-apa penyesuaian dan ubahsuaian yang perlu untuk membolehkannya dipakai dan berkuatkuasa, bagi ahli sesuatu jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil yang dilantik oleh Lembaga berkenaan dengan sesuatu kontrak atau sesuatu perolehan, pembelian, pajakan atau urusan mengenai tanah ata sesuatu projek atau skim yang ada kena mengena dengan jawatankusa atau jawatankuasa kecil itu dengan cara sama seperti ia dipakai bagi seseorang ahli mengenai hal-hal seperti itu berhubung dengan Lembaga.

Kuasa-kuasa
Menteri
berhubung
dengan
Lembaga

14.(1) Menteri boleh memberi kepada Lembaga arahan-arahan secara am yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini mengenai penjalanan dan pelaksanaan tugas-tugas dan fungsi-fungsi Lembaga berhubung dengan hal-hal yanh pada pendapatnya menyentuh kepentingan-kepentingan Malaysia dan Lembaga hendaklah menguatkuasakan semua arahan itu.

(2) Lembaga hendaklah memberi kepada Menteri apa-apa penyata, akaun dan lain-lain maklumat berkenaan dengan harta dan aktiviti-aktiviti Lembaga sebagaimana dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(3) Menteri boleh, menurut budibicaranya, pada bila-bila masa melantik suatu jawatankuasa siasat untuk menyiasat hal ehwal Lembaga dan jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan laporannya kepada Menteri.

Pelupusan
aset modal

15. Kuasa yang diberi kepada Menteri oleh seksyen 14 untuk memberi arahan-arahan kepada Lembaga hendaklah

termasuk memberi arahan-arahan—

- (a) mengenai pelupusan aset modal, atau
- (b) mengenai penggunaan pendapatan dari pelupusan itu walaupun arahan-arahan itu adalah berkenaan dengan perkara-perkara tersebut:

Dengan syarat bahawa selagi apa-apa wang yang dipinjam oleh Lembaga mengikut peruntukan-peruntukan akta ini masih belum dijelaskan, arahan itu tidak boleh diberi kecuali dengan persetujuan Menteri Kewangan.

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Pentadbiran

Perlantikan
pegawai-
pegawai dan
penjawat-
penjawat

16. Lembaga boleh—

- (a) dengan kelulusan Menteri melantik, atas apa-apa had dan syarat yang difikirkan patut oleh Lembaga dan Menteri, seorang pegawai eksekutif yang akan disebut Ketua Pengarah; dan
- (b) melantik, atas apa-apa had dan syarat yang difikirkannya patut, pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat lain yang perlu bagi maksud-maksud Akta ini.

17. Pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Lembaga hendaklah dibawah kawalan pentadbiran Ketua Pengarah dan, tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 27, kuasa bagi melantik, menaikkan pangkat, menggantung jawatan, membuangkerja, mendenda, mengurangkan atau memberi cuti kepada pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Lembaga hendaklah dijalankan oleh Lembaga selepas berunding dengan Ketua Pengarah.

Kawalan bagi
pegawai-
pegawai dan
penjawat-
penjawat.

18. Lembaga boleh mengambil bekerja dan membayar ejen-ejen dan penasihat-penasihat teknik, sama ada peguambela dan peguamcara, banker, broker-saham, juru ukur atau penilai atau orang-orang lain, untuk mentransaksi apa-apa urusan atau untuk melakukan apa-

Kuasa
mengambil
bekerja ejen

apa perbuatan yang dikehendaki ditransaksi atau dilakukan dalam melaksanakan kuasa-kuasa dan tugas-tugas Lembaga atau bagi melaksanakan dengan cara lebih baik maksud-maksud Akta ini, dan boleh membayar daripada Kumpulanwang segala caj dan perbelanjaan yang dilakukan sedemikian.

Kewangan

19. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Kumpulanwang bernama Kumpulanwang Dewan Bahasa dan Pustaka yang mana hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Lembaga.

Penubuhan
Kumpulanwang

(2) Kumpulanwang itu hendaklah terdiri daripada—

(a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan sebagai pemberian dari semasa ke semasa oleh Parlimen;

(b) apa-apa jumlah wang yang dari semasa ke semasa dipinjamkan kepada Lembaga oleh Kerajaan Malaysia;

(c) wang yang didapati melalui pengendalian apa-apa projek, skim atau enterprais yang dibiayai daripada Kumpulanwang itu;

(d) segala jumlah wang atau harta yang mungkin dengan apa-apa cara kena dibayar atau diletakhakkan pada Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan kuasa-kuasa dan tugas-tugasnya;

(e) apa-apa hadiah sukarela kepada Lembaga atau kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

(3) Caj-caj atas apa-apa amaun yang diuntukkan kepada Lembaga daripada wang pinjaman hendaklah dibayar oleh Lembaga.

Tugas
Lembaga
memelihara
Kumpulan-
wang.

20. Adalah menjadi tugas Lembaga memelihara Kumpulanwang dengan menjalani dan menyempurnakan fungsi-fungsi dan tugas-tugasnya di bawah Akta ini

dengan cara supaya jumlah hasil Lembaga cukup untuk membayar semua wang yang dipertanggungkan dengan sewajarnya kepada akaun hasilnya termasuk, tanpa menyentuh keluasan perbahasan tersebut, peruntukan-peruntukan berkenaan dengan tanggungan-tanggungannya di bawah seksyen 19 (3), susutnilai dan bunga atas modal dari setahun ke setahun.

Kumpulanwang
boleh disimpan
dalam bank.
Akta 102.

Perbelanjaan
yang hendak
dibayar
daripada
Kumpulanwang

21. Kumpulanwang boleh disimpan dalam suatu bank dalam Malaysia yang memegang suatu lesen yang sah di bawah peruntukan-peruntukan Akta Bank, 1958, atau dilaburkan dalam sekuriti-sekuriti Kerajaan Malaysia atau lain-lain sekuriti yang diluluskan secara bertulis oleh Menteri Kewangan.

22. Selain daripada peruntukan seksyen-seksyen 11 (4), 12, 18 dan 19 (3), Lembaga boleh menggunakan Kumpulanwang--

- (a) bagi membayar apa-apa perbelanjaan yang sah dilakukan olehnya dan saraan mana-mana pegawai atau penjawat yang diambil bekerja oleh Lembaga, termasuk elaun persaraan, penceن atau ganjaran;
- (b) bagi membayar apa-apa perbelanjaan atau kos lain yang dilakukan atau disetujui dengan sewajarnya akan dibayar oleh Lembaga dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada Lembaga oleh Akta ini;
- (c) bagi memberi pinjaman-pinjaman kepada pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Lembaga bagi maksud memperolehi alat kenderaan untuk kegunaan mereka sendiri;
- (d) bagi memberi pinjaman-pinjaman kepada pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Lembaga bagi maksud memperolehi, membina atau membeli rumah untuk tempat tinggal mereka atau tempat tinggal keluarga mereka atau bagi maksud memperbaiki rumah mereka; dan dalam tiap-tiap satu kes di mana Lembaga memberi pinjaman-pinjaman kepada pegawai-pegawai dan penjawat-penjawatnya di bawah perenggan ini, rumah itu termasuk tanah di mana rumah itu didirikan hendaklah digadaijanji kepada Lembaga sebagai sekuriti bagi pinjaman-pinjaman itu.

[Tam. Akta
53/66]

23. (1) Pengerusi hendaklah, tidak lewat daripada satu bulan sebelum bermula tiap-tiap satu tahun kewangan, membentangkan di hadapan Lembaga suatu anggaran

Anggaran
tambahan.

hasil dan perbelanjaan Lembaga, termasuk perbelanjaan modal, bagi tahun yang berikutnya dengan detail dan dalam bentuk yang dikehendaki Lembaga.

(2) Suatu salinan anggaran itu hendaklah dihantar kepada tiap-tiap seorang ahli Lembaga tidak kurang daripada empat belas hari sebelum mesyuarat dalam mana anggaran itu akan dibentangkan.

(3) Lembaga hendaklah menimbangkan anggaran yang dikemukakan sedemikian dan hendaklah membenarkan anggaran itu sama ada tanpa berubah atau tertakluk kepada apa-apa perubahan yang difikirkannya patut.

(4) Anggaran itu sebagaimana dibenarkan oleh Lembaga hendaklah dikemukakan kepada Menteri, dan Menteri boleh, pada bila-bila masa dalam tempoh satu bulan selepas menerima anggaran itu, enggan membenarkan anggaran itu, atau mana-mana bahagiannya, dan mengembalikannya untuk dipinda.

(5) Lembaga hendaklah, jika anggaran itu dikembalikan sedemikian oleh Menteri, meminda anggaran itu dengan segera, dan hendaklah mengemukakan semula anggaran yang dipinda sedemikian kepada Menteri.

(6) Lembaga boleh, pada bila-bila masa dalam tahun yang baginya anggaran itu telah dibenarkan, menyebabkan suatu anggaran tambahan disedia dan dikemukakan kepadanya.

(7) Tiap-tiap anggaran tambahan itu hendaklah ditimbangkan dan dibenarkan oleh Lembaga, dan dikemukakan kepada Menteri, dan, jika perlu, dipinda dan dikemukakan semula seolah-olah ia adalah anggaran asal.

(8) Lembaga tidak boleh melakukan perbelanjaan melainkan dengan mengikut anggaran atau anggaran tambahan yang telah diluluskan oleh Menteri.

24. (1) Lembaga hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan dengan sewajarnya akaun-akaun dan rekod-rekod lain berkenaan dengan perjalanannya

Akaun dan
udit.

dan hendaklah menyebab disediakan penyata akaun bagi tiap-tiap satu tahun kewangan.

(2) Akaun-akaun Lembaga hendaklah diodit tiap-tiap tahun oleh Ketua Odit Negara atau juruodit lain yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

(3) Selepas akhir tiap-tiap satu tahun kewangan, setelah sahaja akaun-akan Lembaga diodit, Lembaga hendaklah menyebabkan satu salinan penyata akaun itu dihantar kepada Menteri, bersama dengan satu salinan apa-apa ulasan yang dibuat oleh Ketua Odit Negara atau juruodit lain yang dilantik di bawah seksyen-kecil (2) mengenai apa-apa pernyataan atau mengenai akaun-akaun Lembaga.

(4) Menteri hendaklah menyebabkan satu salinan tiap-tiap penyata dan ulasan itu dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

BAHAGIAN IV

AM

Laporan
Tahunan

25. (1) Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh haribulan April dalam tiap-tiap satu tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri suatu laporan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Lembaga dalam masa tahun kewangan yang lalu dan mengandungi apa-apa maklumat berhubungan dengan perjalanan apa-apa maklumat berhubung dengan perjalanan dan dasar Lembaga sebagaimana diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Menteri hendaklah menyebabkan satu salinan tiap-tiap laporan itu dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

Perlindungan
Pihak berkuasa
Awam
Akta 198

26. Akta Perlindungan Pihak-berkuasa Awam, 1948 hendaklah dipakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau pembicaraan terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana ahli, pegawai, penjawat atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau kemungkiran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifatnya sebagai demikian.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

27. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini—

- (a) menetapkan cara bagaimana dokumen-dokumen, cek-cek dan suratcara-suratcara dari apa-apa jenis akan ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak Lembaga atau mana-mana perbadanan;
- (b) menetapkan tanggungjawab-tanggungjawab dan kawalan bagi pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Lembaga;
- (c) menetapkan hal-keadaan dalam mana ahli-ahli Lembaga dan pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Lembaga boleh menerima elaun perjalanan dan elaun hidup dan menetapkan kadar elaun-elaun itu;
- (d) mengenakan bayaran dalam apa-apa hal yang ditetapkan oleh Lembaga;
- (e) mengadakan tatacara bagi mengawal dan mengurus Kumpulanwang; dan [Tam. Akta A79]
- (f) amnya bagi menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugasnya di bawah peruntukan-perutukan Akta ini.

28. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah bagi atau berkenaan dengan gaji, elaun (kecuali elaun-elaun yang tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 27) dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat itu.

(2) Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh mengadakan peruntukan—

- (a) bagi menubuh dan menguruskan skim pencen, ganjaran, persaraan atau kumpulanwang simpanan itu; dan
- (b) bagi memindahkan ke dalam kumpulanwang

atau skim tersebut carum-carum atau bahagian-bahagian daripada carum-carum itu yang telah dibayar ke dalam mana-mana kumpulanwang simpanan atau kumpulanwang lain sebelum kumpulanwang simpanan di bawah seksyen ini ditubuhkan.

(3) Peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah dipakai bagi apa-apa kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini:

- (a) tiada apa-apa derma, carum, ganjaran, elaun atau bayaran lain yang kena dibayar di bawah kaedah-kaedah itu, dan juga tiada apa-apa hak atau kepentingan yang diperolehi oleh mana-mana orang terhadap apa-apa ganjaran, elaun atau lain-lain bayaran di bawahnya, boleh diserahkan atau dipindahmilik atau ditahan, diasingkan atau dilevi bagi atau mengenai apa-apa jua hutang atau tuntutan, kecuali hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan;
- (b) apa-apa wang yang dibayar di bawah mana-mana kaedah itu apabila seseorang mati hendaklah disifatkan sebagai teramanah untuk orang-orang yang berhak kepadanya mengikut wasiat simati itu atau apabila simati mata tanpa wasiat, tetapi tidak boleh disifatkan sebagai menjadi sebahagian daripada harta pesakanya atau sebagai tertakluk kepada hutangnya;
- (c) mana-mana orang boleh, dengan wasiatnya atau dengan suatu memorandum yang ditandatanganinya, melantik seorang atau beberapa orang pemegang amanah bagi wang yang kena dibayar di bawah mana-mana kaedah itu apabila ia mati, dan boleh mengadakan peruntuhan bagi perlantikan seorang atau beberapa orang pemegang amanah baharu bagi wang itu dan bagi pelaburan wang itu;
- (d) jika pada masa kematian seseorang atau bila-bila masa kemudiannya tiada seoarang pemegang amanah bagi wang itu atau adalah munafaat dilantik seorang atau beberapa orang pemegang amanah baharu, maka dalam mana-mana hal itu seorang atau beberapa orang pemegang amanah atau seorang atau beberapa orang pemegang amanah baharu boleh dilantik oleh Mahkamah Tinggi atau seorang Hakim Mahkamah Tinggi;

- (e) resit dari seorang atau beberapa orang pemegang amanah yang dilantik dengan sewajarnya atau, jika tiada pemegang amanah dilantik, resit dari wakil diri di sisi undang-undang bagi orang yang mati, hendaklah menjadi suatu penjelasan bagi apa-apa wang yang kena dibayar di bawah mana-mana kaedah itu apabila orang itu mati;
- (f) tiada apa-apa derma, carum atau bunga yang dibayar di bawah mana-mana kaedah itu boleh tertakluk kepada hutang pencarum, dan juga derma, carum atau bunga itu boleh dibayar kepada Pegawai Pemegang Harta atas kebankrapan seseorang pencarum di bawah mana-mana kaedah itu, tetapi jika pencarum itu dihukum menjadi bankrap atau ditetapkan sebagai tak berkemampuan menjelaskan tanggungannya menurut hukuman mahkamah, maka derma, carum atau bungan itu hendaklah, tertakluk kepada peruntukan kaedah-kaedah itu, disifatkan sebagai teramanah untuk orang-orang yang berhak kepadanya apabila pencarum itu mati;
- (g) kebankrapan seseorang pencarum tidaklah menghalang potongan-potongan dibuat daripada gaji pencarum mengikut kaedah-kaedah itu, tetapi potong-potongan itu hendaklah terus dibuat walau apapun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, dan bahagian gaji yang dipotong sedemikian hendaklah disifatkan sebagai tidak menjadi sebahagian daripada hartanya yang diperolehi selepas kebankrapannya;
- (h) seseorang pencarum di bawah mana-mana kaedah itu hendaklah, jika ia dibuang kerja dari perkhidmatan kerana fraud, kecurangan atau salahlaku yang melibatkan kerugian wang kepada Lembaga, atau bersara atau meletakkan jawatan dengan niat hendak mengelakkan daripada diberhenti atau dibuangkerja akibat fraud, kecurangan atau

salahlaku itu, melucuthak, tertakluk kepada apa-apa syarat yang diperuntukkan oleh kaedah-kaedah itu, semua atau mana-mana bahagian carum yang dibayar oleh Lembaga dan bunga yang terakru atasnya mengikut sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga; rayuan terhadap apa-apa lucuthak itu adalah terletak pada Menteri.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 213

AKTA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, 1959

(Disemak—978)

Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-undang, 1968 (Akta 1)

SENARAI PINDAAN-PINDAAN

Undang-undang meminda		Tajuk ringkas	Berkuatkuasa mulai dari
Akta 53/1966	...	Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan), 1966	28-7-1966
Akta A47	...	Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan), 1971	30-4-1971
Akta A79	...	Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) (No. 2), 1971	17-9-1971

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIAN- BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

No.		Tajuk
25 tahun 1959	...	Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959.